

08/06/1997

Pelajar akur nasihat Mahathir

Tajuddin Saman

SEBAGAI pemimpin pelajar di UKM ketika itu, Nordin masih ingat bagaimana beliau terpaksa menerapkan suatu dasar baru yang lebih liberal dalam kepemimpinan pelajar yang sedang bergelora berikutan "Demonstrasi Ubi Gadung" bagi membela penderitaan penduduk Baling, Kedah yang dikatakan daif.

Nordin yang berasal dari Baling amat mengenali liku hidup penduduk kampungnya yang menjadi perhatian mahasiswa dan negara pada masa itu.

Kebetulan pada waktu demonstrasi itu memuncak, ramai pemimpin pelajar ditahan polis dan ini menyebabkan barisan kepemimpinan, khususnya di UKM, semakin gersang.

Ketika itu, kalangan mahasiswa yang hauskan kepemimpinan berikhtiar mencari pemimpin pelapis untuk meneruskan perjuangan yang sedang membara itu. Pada waktu inilah Nordin terpanggil untuk tampil ke depan sebagai pemimpin pelajar yang ulung.

"Waktu itu beberapa rakan saya seperti Presiden Persatuan Mahasiswa UKM (PMUKM), Abdul Rahman Rukaini, Setiausahanya, Basroh Hassan dan semua ahli jawatankuasa persatuan sudah ditahan polis.

"Entah macam mana, saya diminta oleh kawan-kawan supaya meneruskan perjuangan dan memimpin mereka. Saya masih ingat, seorang rakan, Malek Hanafiah (kini Datuk Dr Malek Hanafiah - anggota Exco kerajaan Perak) menemui saya dan mengatakan: "Hang kena pimpin persatuan kita...Yang kami nampak boleh selamatkan suasana ialah hang.

"Saya sendiri tidak tahu kenapa mereka yakin terhadap saya," katanya yang kini bertugas sebagai guru besar di sebuah sekolah menengah di Kedah.

Mahu tidak mahu, selepas fikir-fikir, beliau pun terima dan mengambil alih tanggungjawab memimpin mahasiswa UKM waktu itu tanpa mengira sebarang risiko.

"Bagaimanapun, waktu itu, kami di UKM berfikir ikhlas untuk memperjuangkan kesejahteraan mahasiswa dan negara. Kalau waktu itu ramai pemimpin pelajar ditahan, maka perjuangan kami ialah untuk membebaskan mereka. Itulah hasrat saya dan semua kawan mahasiswa di UKM.

"Sebaliknya, kami bukan sekadar mahu berfungsi sebagai kalangan yang membangkitkan kesedaran tetapi juga membina kesejahteraan negara. Kami tidak menentang semata-mata kerana ingin menentang tanpa suatu matlamat yang jitu," katanya.

Nordin berkata, apabila waktu memerlukan, dia terus mengambil alih kepemimpinan sebagai Jurucakap Badan Perunding Sementara Mahasiswa UKM. Antara mereka yang turut bersamanya ketika itu ialah Malek Hanafiah dan Bokhari Ahmad (sekarang pensyarah di UPM).

Matlamat kepemimpinan kami waktu itu ialah untuk mewujudkan suasana kampus yang tenang bagi mahasiswa meneruskan pengajian. Ini kerana pada masa itu boleh dikatakan setiap hari mahasiswa keluar berdemonstrasi.

"Bagi mencapai matlamat ketenangan suasana dalam kampus, saya rasakan suatu pengumuman perlu dibuat kepada semua mahasiswa di UKM. Oleh itu, saya pun membuat persediaan memanggil mahasiswa ke auditorium besar. Masa itu, UKM baru saja memasuki tahun kelima selepas penubuhannya dan kampusnya masih terletak di Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur.

"Di majlis itu saya menegaskan bahawa tujuan utama saya dipanggil memimpin ialah untuk merundingkan pembebasan pemimpin pelajar yang ditahan waktu itu. Selepas itu, kami pun mula bergerak melaksanakan tanggungjawab itu dengan penuh tanggungjawab," katanya.

Nordin berkata, langkah pertama yang diambilnya sebaik-baik dilantik menjadi pemimpin pelajar ialah menemui beberapa pemimpin negara ketika itu, antaranya bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar, bekas Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (ketika itu Menteri Pendidikan).

Pertemuan dengan Dr Mahathir mencatat kenangan yang menarik dalam hidup Nordin. Ini kerana Dr Mahathir bersikap tegas apabila berdepan dengan pelajar yang sedang berkobar-kobar dengan emosi.

Menurutnya, cara bertindak Dr Mahathir agak berlainan daripada beberapa pemimpin yang ditemui sebelum itu. Dr Mahathir menggunakan cara "keras lawan keras".

Nordin berkata, sebelum masuk ke pejabatnya, Dr Mahathir bertanya kumpulan pelajar yang diketuainya: "Awak semua datang untuk membuat tuntutan atau berunding? Dengan semangat berkobar-kobar kami semua bersuara - membuat tuntutan!

"Mendengar jawapan itu, Dr Mahathir pun berkata kalau nak buat tuntutan, awak semua boleh balik. Tapi kalau nak berunding, sila masuk!" Kata dua Dr Mahathir itu menyebabkan semua mahasiswa terdiam. Masing-masing pandang memandang antara satu sama lain, seolah-olah mencari kepastian sama ada untuk berunding atau membuat tuntutan.

Akhirnya, tanpa sebarang paksaan, mereka akur kepada kata-kata Dr Mahathir dan bersetuju untuk berunding, bukan membuat tuntutan.

Dalam rundingan itu, kata Nordin, Dr Mahathir mengingatkan betapa penting kalangan mahasiswa tidak mengabaikan kuliah kerana masa depan mereka bermakna masa depan negara.

"Kalau kamu balik ke kuliah, ambil periksa, baru kita boleh fikirkan apa yang boleh dibuat untuk membebaskan kawan-kawan kamu yang ditahan itu." Itulah yang dikatakan Dr Mahathir.

Nordin berkata, akhirnya dia dan semua rakan balik ke UKM dan memberitahu apa yang dinasihatkan oleh Dr Mahathir. Sehubungan itu, semua pelajar diminta masuk kuliah semula.

Nordin kemudian memanggil satu sidang akhbar untuk memberikan kenyataan mengenai rundingan itu kepada umum dan hampir semua akhbar menyiarkannya sebagai berita utama di muka depan.

Rupa-rupanya, langkah berunding dan kembali mengikuti kuliah yang diambil itu benar-benar mendatangkan kesan yang positif kerana selepas itu, seorang demi seorang pemimpin pelajar dibebaskan daripada tahanan.

(END)